



## **KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013**

### **HARI REKREASI PUTRAJAYA TONJOL KEPELBAGAIAN AKTIVITI REKREASI AIR DI PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 12 Oktober 2024** – Majlis Perasmian Hari Rekreasi Putrajaya (HRP2024) pada hari ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya di Anjung Floria, Presint 4. HRP2024 berlangsung pada 12 Oktober 2024, bermula jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang. Acara yang turut menyokong kepada penganjuran Hari Sukan Negara ini merupakan inisiatif Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi menjenamakan Putrajaya sebagai sebuah bandar rekreasi. Penganjuran pertama kali adalah pada tahun 2022 dan ianya telah dijadikan acara tahunan sebagai usaha PPj menarik lebih ramai pengunjung untuk melakukan aktiviti rekreasi di Putrajaya.

Rekreasi air telah dipilih sebagai tema acara bagi mempromosikan Putrajaya sebagai Bandar Mesra Rekreasi yang sesuai untuk sebarang aktiviti riadah dan sukan dengan memanfaatkan kemudahan rekreasi yang tersedia, terutamanya aktiviti rekreasi air. Ianya turut memberi peluang kepada orang ramai untuk menikmati pelbagai aktiviti rekreasi air di Tasik Putrajaya dengan kawalan keselamatan yang terjamin.

Bagi menepati tema tersebut, pelbagai aktiviti rekreasi air telah diatur untuk semua pengunjung, antaranya taman tema air *inflatable*, aktiviti perang air, aktiviti sukan kenangan (perah air dalam botol, tangkap anak ikan, lumba lari sambil bawa belon, lambungan belon beracun, pancing botol air dan tong air) dan aktiviti rekreasi air (*water trampoline, roller orb, water orb, UFO, sea inflatable slide, dolphin slide, pool slide dan banana seesaw*).

PPj juga untuk pertama kalinya mengadakan aktiviti Jom! Apung Diri yang merupakan aktiviti berbentuk keyakinan dalam air (*water confident*) yang boleh disertai oleh rakyat Malaysia yang berumur 10 tahun ke atas. Seramai lebih kurang 430 orang peserta telah mendaftarkan diri bagi mengambil peluang untuk berendam di Tasik Putrajaya melalui aktiviti ini. Sambutan yang menggalakkan diterima kerana ianya bukanlah suatu aktiviti yang dibenarkan tanpa kawalan keselamatan yang ketat. Aktiviti mandi

## *Sambungan Siaran Media:*

HARI REKREASI PUTRAJAYA TONJOL KEPELBAGAIAN AKTIVITI REKREASI AIR DI PUTRAJAYA

---

di Tasik Putrajaya sebelum ini tidak dibenarkan atas faktor keselamatan dan pemeliharaan ekosistem tasik. Selain itu, pertandingan Swimathon iaitu acara renang terbuka turut dibuka kepada perenang profesional. Sebanyak empat (4) kategori dipertandingkan dengan tawaran hadiah wang tunai lumayan iaitu Junior 500m, 1.5km, 3km dan 6km dengan penyertaan yang diterima seramai 592 orang. Sementara itu, acara di sebelah petang pula akan dimeriahkan dengan *stand up paddle (SUP) board gathering* yang dijangka menarik seramai 100 orang peserta.

HRP2024 turut mendapat sokongan daripada rakan kerjasama iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad, Lits Advance Sdn Bhd, YC Modular Tents Sdn Bhd, Yeop Canopy, Erama Rental & Services, MSLTT Logistik Sdn. Bhd, Zillion Trade Resources, Acuan Unggul Sdn Bhd, Pro Office Solutions, PP Senggara Enterprise, GNT Security Services Sdn Bhd, Malforce Sdn Bhd, OP Security Services Sdn Bhd, Seagull Protection Services Sdn Bhd, CVS Vending Services dan Koperasi Kumpulan Johawaki Berhad.

Penganjuran HRP2024 diharap secara tidak langsung menjadi inspirasi kepada sambutan hari rekreasi di peringkat kebangsaan, dengan menjadikan Putrajaya sebagai penanda aras terutamanya terhadap penekanan kepada keindahan landskap bandar, pelbagai aktiviti rekreasi yang ditawarkan dan sokongan kepada gaya hidup sihat serta aktif. Penganjuran HRP2024 turut selari dalam menyokong kelestarian aspek pelancongan, sosio ekonomi dan alam sekitar di mana ketiga-tiga aspek ini merupakan di antara 5 fokus utama dalam Kluster SEJAHTERA@WP yang dihasratkan oleh YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan).



**(SITI FADILAH BINTI RAMLI)**

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 11 Oktober 2024

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Puan Haryani Binti Kaulan di talian 019-383 1564.